

Rakyat Kelantan Perlu Lakukan Perubahan Politik Untuk Masa Depan - Ibrahim Bernama
02 November, 2012

KOTA BAHARU, 2 Nov (Bernama) -- Rakyat Kelantan perlu membuat perubahan politik dengan memilih kerajaan negeri yang berupaya membawa pembangunan dan masa depan lebih terjamin, kata Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) Datuk Ibrahim Ali.

Beliau berkata kerajaan negeri sekarang kurang berkesan dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang menghimpit rakyat termasuk isu kemiskinan, peluang pekerjaan yang terhad dan keadaan infrastruktur yang kurang berbanding negeri lain.

"Kita (Kelantan) ada bahan mentah, alam semula jadi yang cantik, modal insan yang banyak, tenaga buruh yang murah. Apa yang kita hendak ialah pemimpin kerana enjin kepada pertumbuhan ekonomi ialah kepimpinan," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Mesyuarat Agung Perkasa Negeri Kelantan di sini Jumaat.

Ibrahim yang juga Anggota Parlimen Pasir Mas berkata sesebuah negeri boleh dimajukan dengan berkesan sekiranya mempunyai kepimpinan yang berinovasi dan kreatif untuk menarik pelabur dalam pelbagai bidang di negeri itu di samping membangunkan modal insan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706680>